

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2011**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya yang pertama bagi tahun 2011 ini. Rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Natal kepada yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru kepada seluruh warga Kerja Raya sekalian.
2. Sesungguhnya nikmat yang diberikan oleh Allah ini amatlah besar ertiannya kepada seluruh rakyat Malaysia. Keamanan, perpaduan dan kestabilan ekonomi yang kita kecapi pada hari ini adalah berkat perancangan dan pelaksanaan yang rapi dan jitu serta kecekalan semua pihak, sama ada di pihak Kerajaan, penjawat awam mahupun sektor swasta. Formula kolaborasi strategik antara semua pihak yang digagaskan oleh pemimpin-pemimpin negara terdahulu dan sekarang merupakan kekuatan yang menjadi tunjang kepada pencapaian Malaysia pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Tahun baru, azam baru. Dasawarsa ini akan menjadi titik tolak kepada perjalanan terakhir bagi kita semua dalam membawa Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020. Tempoh 10 tahun ini juga merupakan tempoh yang kritikal di mana sebarang kekhilafan yang timbul pasti akan menjelaskan momentum yang telah dipacu oleh YAB Perdana Menteri. Maka dalam mengharungi tahun-tahun yang mencabar ini, ranjau dan onak yang dilalui pasti akan lebih getir dan berliku. Jadi, seperti seorang kapten kapal yang akan mengemudi lautan yang bergelora,

pastinya beliau memerlukan sebuah kapal yang kukuh beserta barisan anak kapal yang berpengalaman.

4. Dalam konteks tugas teras Kementerian Kerja Raya, saya yakin dan percaya, tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya telah mempunyai sebuah binaan kapal yang kuat dan kukuh. Struktur yang membentuk Kementerian ini terdiri daripada JKR yang merupakan rangkanya, CIDB pula menjadi layarnya, LLM adalah sistem pelayaran manakala 3 lembaga profesional adalah tali yang menjadi pengukuh ikatan kepada seluruh kapal ini. Walaupun setiap satu daripadanya memainkan peranan dan fungsi yang tersendiri, namun kekuatan layar tidak akan bermakna tanpa rangka yang kukuh dan begitulah sebaliknya.

5. Kita semua telah berjaya melayari tahun 2010 dengan begitu gemilang. Projek-projek Rancangan Malaysia ke-9 dan Projek Rangsangan Ekonomi telah berjaya dilaksanakan mengikut jadual pembinaan. Projek sakit telah berjaya dikurangkan dan sekaligus telah menukar persepsi kontraktor bahawa projek Kerajaan kebiasaannya diberikan EOT. *We are serious in doing business.* Lantaran itu, prestasi dan imej JKR juga semakin meningkat.

6. Walau bagaimanapun, kita semua harus sedar bahawa cara Kerajaan berfungsi pada hari ini telah berubah. Dalam usaha Kerajaan memastikan rakyat didahulukan, dan pencapaian diutamakan, keputusan pantas yang dapat menghasilkan *outcome* lebih diberi penekanan. Proses kerja yang kebiasaannya dibuat dalam masa 3 bulan dikehendakkan dalam masa 3 minggu dan proses 3 minggu ditagih dalam tempoh 3 hari. Begitulah cara kita bekerja pada hari ini.

7. Perubahan senario ini sebenarnya tidak lagi sesuatu yang asing dan aneh dikalangan kita semua. *If you can't deliver, than someone else will deliver for you.* Itulah realiti yang perlu kita hadapi. Kerajaan pada hari ini dinilai secara objektif. Sekiranya gagal, maka rakyat selaku hakim yang mengadili perbicaraan, akan segera menjatuhkan hukuman. Oleh yang demikian, suka saya nyatakan di sini bahawa, medan tugas teras yang kita semua pelopori selama ini telah berada pada suatu tahap yang kritikal. Ini adalah kerana, sebarang kesilapan, kekurangan dan kecacatan sentiasa dinilai oleh rakyat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kerajaan komited dalam merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi supaya KDNK negara dapat dikekalkan sekurang-kurangnya pada kadar 6 peratus setahun. Usaha ini disokong melalui Program Transformasi Kerajaan dan Ekonomi yang bertujuan menjadikan negara Malaysia sebagai negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program-program secara inklusif telah dirangka supaya 40% golongan yang berpendapatan rendah juga turut sama mendapat manfaat daripada program pembangunan negara.

9. Bagi menggerakkan usaha ini, Kerajaan perlu mempunyai sumber kewangan yang stabil dan mapan. Penggunaan sumber dan kewangan negara perlu dirancang dengan teliti supaya hasil yang dinikmati bukan sahaja perolehi dalam tempoh jangka masa pendek, tetapi memberi manfaat dalam tempoh jangka panjang. Sektor swasta perlu disinergikan supaya mereka kembali berupaya menjadi enjin utama pertumbuhan

ekonomi. Oleh itu, Kerajaan perlu menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan keyakinan pihak swasta dan pelabur asing dalam menjalankan perniagaan di Malaysia. Melalui kerjasama pintar awam-swasta ini, Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan perbelanjaan negara, malah lebih banyak projek infrastruktur dapat dilaksanakan demi kemudahan semua pihak.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Industri pembinaan negara telah menerima habuan yang begitu besar hasil inisiatif dan pengumuman yang telah dibuat oleh Kerajaan. Melalui pelaksanaan *Entry Point Project* (EPP) di dalam ETP, pelbagai projek berimpak besar telah dirancang. Projek-projek ini sudah semestinya akan merancakkan lagi pertumbuhan sektor industri pembinaan negara. Jika dihitung secara kasar, tempoh 10 tahun ini adalah merupakan durian runtuh kepada seluruh penggiat-penggiat industri binaan di Malaysia. Jumlah kos projek-projek tersebut dianggarkan mencecah sehingga RM90 bilion.

11. Namun, dalam kita menyaksikan transformasi negara sedang berlaku dengan begitu rancak dalam 2 tahun kebelakangan ini, beberapa persoalan asas yang sering saya utarakan pada tahun lalu, perlu dilihat dengan lebih serius pada tahun ini. Kementerian Kerja Raya selaku kementerian utama yang mengawalselia industri pembinaan negara, seharusnya mempunyai peranan yang cukup besar dalam mencorakkan persekitaran industri ini dalam tempoh 10 tahun akan datang.

12. Daripada segi pelaksanaan projek, Bajet 2011 yang diperuntukkan untuk Kementerian Kerja Raya sememangnya agak terhad. Agihan peruntukan tahun 2011 dan 2012 dalam *rolling plan* yang pertama (RP1) dianggarkan berjumlah RM5.72 bilion dan *rolling plan* ini hendaklah dipantau dan dikaji supaya projek-projek kritikal dan tertangguh dapat dilaksanakan. Kita perlu memastikan projek yang akan dilaksanakan adalah mengikut kos yang dipersetujui dan tindakan awal hendaklah diambil sekiranya terdapat masalah bagi mengurangkan kos tambahan projek atau VO dan seterusnya memastikan projek dapat disiapkan mengikut masa yang ditetapkan.

13. Selain itu, saya berharap JKR dapat mengkaji semula Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) supaya dipanjangkan daripada 24 bulan kepada 5 tahun atau mungkin sehingga 10 tahun. Ini kerana, kebanyakan projek yang kita jalankan akan mengalami kerosakan selepas tamat tempoh DLP dan kerajaan terpaksa menanggung kos kerja-kerja pembaikan yang tinggi dan paling teruk apabila kos kerja-kerja pembaikan adalah lebih tinggi daripada kos pembinaan. Contohnya seperti kos kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan cerun yang lebih tinggi daripada kos pembinaan jalan di kawasan cerun tersebut. Sekiranya DLP dipanjangkan, saya yakin bahawa kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pembinaan akan memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan supaya mereka tidak menanggung kos pembaikan yang tinggi pada masa akan datang.

14. Pada saat dan ketika pihak di luar sana sedang berbincang mengenai pembinaan MRT, loji nuklear, bangunan pencakar langit berteknologi hijau, adakah kita di sini hanya cukup sekadar menjadi pemerhati, ataupun, kita bersama-sama terlibat sebagai sebahagian pasukan projek berkenaan? Sebagai contoh, teknologi pembinaan terowong, bukanlah sesuatu yang baru dalam dunia kejuruteraan geoteknik dan pengangkutan. Di Malaysia sendiri, kita telah berjaya melaksanakan beberapa buah projek yang melibatkan pembinaan terowong, seperti antara yang paling terawal adalah, Terowong Genting-Sempah di lebuh raya Karak dan yang paling dikagumi dalam dunia kejuruteraan, Terowong SMART.

15. Jadi, apakah dalam tempoh pembangunan ini sedang berlaku di hadapan mata kita, sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi, kita hanya sekadar menjadi pemerhati, ataupun kita telah berjaya mewujudkan sekumpulan pakar yang pada hari ini, seharusnya menjadi penasihat utama Kerajaan dalam pembinaan projek-projek berskala besar seperti MRT dan mungkin pembinaan infrastruktur sepanjang laluan keretapi laju KL – Singapura kelak.

16. Persoalan pokok yang saya cuba sampaikan adalah, dunia pembinaan dan kejuruteraan yang akan menjadi teras kepada pembangunan infrastruktur negara Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang dan seterusnya akan berubah. Ianya bukan bidang dan teknologi yang tuan-tuan dan puan-puan pelajari semasa tempoh pengajian dahulu.

17. JKR terutamanya perlu mengeksplorasi dan mempelopori *niche areas* yang akan menjadi kekuatan kepada JKR. Kerajaan juga seharusnya yakin dengan kepakaran yang dimiliki oleh JKR. Bagi pendapat saya, era di mana jurutera dan arkitek JKR hanya merekabentuk bangunan sekolah dan kuarters yang konvensional telah berakhir. Jurutera dan arkitek JKR perlu mencabar kemahiran masing-masing dengan menjadi pakar dalam merekabentuk dan menyelia projek yang lebih kompleks seperti pembinaan terowong, bangunan pencakar langit yang moden, pelabuhan, pelantar minyak, lapangan terbang dan sebagainya.

18. Melalui kaedah ini, Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan kos pembiayaan caj perkhidmatan perunding luar, malah, kita juga boleh mengeksport dan menawarkan kepakaran kita ke luar negara dengan kos yang lebih kompetitif. Selain itu, sekiranya pihak JKR berupaya memantapkan lagi kepakaran yang ada, maka akan wujud suatu persaingan yang sihat di antara JKR dan juruperunding atau konsultan luar kerana masing-masing akan cuba menjadi yang terbaik dalam bidang yang dipelopori.

19. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan hasrat ini, mulai tahun 2011, saya telah mengarahkan pihak Kementerian supaya mengkaji semula program pembangunan sumber manusia yang lebih komprehensif supaya kepakaran teknikal yang ada di Kementerian ini dan semua Agensi diperkuuhkan seawal memasuki perkhidmatan lagi. Pendedahan yang lebih praktikal harus diberikan kepada jurutera-jurutera dan arkitek muda ini supaya idea mereka dapat dikembangkan ke tahap yang maksimum. Bagi

saya, pegawai-pegawai *junior* mempunyai potensi yang sangat cerah untuk berjaya kerana mereka yang akan menerajui jabatan-jabatan utama Kerajaan pada masa hadapan. Kementerian ini dan negara memerlukan pentadbir, jurutera dan arkitek yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif serta berupaya bekerja melangkaui ekspektasi penyelia masing-masing. Berikanlah peluang secukupnya kepada mereka untuk mengikuti latihan, kursus dalam dan luar negara atau apa sahaja yang boleh meningkatkan lagi tahap kompetensi dan profesionalisme dalam menjalankan tugas.

20. Bagi pegawai-pegawai *senior* pula, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah menggunakan pengalaman selama 20 atau 30 tahun dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan lagi prestasi organisasi masing-masing ke tahap yang tertinggi. Sekiranya dalam perlumbaan, jadikan ‘pusingan terakhir’ atau ‘*last lap*’ ini sebagai pusingan yang paling pantas dan bukannya semakin perlahan.

,

21. Selain daripada membangunkan sumber manusia yang ada di Kementerian ini, saya melihat isu penempatan pegawai dan kakitangan juga perlu dilihat secara serius oleh pengurusan Kementerian dan Agensi. Kita mahu supaya setiap projek di dalam RMKe-10 dipantau dengan lebih berkesan. Oleh itu, setiap pegawai di Kementerian Kerja Raya dan Agensi harus ditempatkan berdasarkan kelayakan dan bersesuaian dengan pengalaman yang dimiliki atau ‘*the right man for the right job*’. Keutamaan juga harus diberikan di peringkat negeri atau cawangan yang mempunyai beban tugas yang lebih.

22. Namun, faktor kekurangan kakitangan juga tidak seharusnya dijadikan alasan untuk kita tidak melaksanakan kerja dengan penuh dedikasi. Saya percaya, sekiranya kajian dijalankan secara terperinci, mungkin ada sesetengah bahagian atau cawangan mempunyai bilangan kakitangan melebihi bebanan tugas yang dipikul. Sebagai contoh, Pejabat Mahkamah Persekutuan Malaysia secara tidak langsung telah berjaya menjimatkan perbelanjaan pengurusan sebanyak RM4juta setahun dengan pengurangan anggota sebanyak 10%. Malah prestasi dan motivasi kakitangan jabatan berkenaan juga semakin meningkat apabila kakitangan lebih dihargai dan dilibatkan dengan tugas yang lebih mencabar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Sebagaimana kita semua sedia maklum, sektor pembinaan merupakan antara sektor terpenting pada tahun ini melalui pelaksanaan projek-projek dalam RMKe-10 dan ETP. Sebanyak 53 projek *Public-Private Partnership* yang telah diumumkan dijangka meraih momentum dan peluang yang besar bukan sahaja kepada penggiat industri binaan dalam negara malah kepada pihak luar yang ingin menceburi sektor ini. Oleh itu, pihak CIDB terutamanya, memainkan peranan yang sangat besar dalam memastikan tahap kualiti dan keselamatan di tapak pembinaan mematuhi standard yang telah ditetapkan. Kita ingin menjadikan tempoh 10 tahun ini sebagai tempoh yang cemerlang bagi industri pembinaan tanpa sebarang insiden dan peristiwa yang kurang enak didengar.

24. Oleh itu, cara bekerja dan kualiti pembinaan di Malaysia perlulah meningkat setara dengan perkembangan teknologi binaan yang pada hari ini mengutamakan teknologi terkini, kecekapan tenaga, bahan mesra alam, mudah diselenggara serta *user friendly*. Perkara ini sangat penting bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan memberi nilai tambah atau *value for money*. Dalam hubungan ini juga, mana-mana pindaan atau penambahbaikan terhadap akta-akta yang berkaitan dengan industri pembinaan perlu disegearkan selaras dengan hasrat Kementerian untuk terus kekal relevan dalam menerajui industri binaan negara. Saya berharap pada tahun ini, kita dapat membentangkan pindaan akta CIDB, LLM dan 3 lembaga profesional di Parlimen.

Hadirin yang dihormati sekalian,

25. Kejayaan pelaksanaan sesuatu projek sebenarnya amat bergantung kepada kualiti kontraktor dan konsultan yang dilantik bagi menjalankan projek tersebut. Kita sememangnya menyedari akan masalah-masalah yang biasa berlaku dalam pelaksanaan sebahagian besar projek-projek berprofil tinggi yang dilaksanakan secara rundingan terus dan kemudiannya berakhir dengan kegagalan. Akibatnya kita terpaksa berhadapan dengan senarai projek-projek sakit yang amat memalukan Kerajaan. Ironiknya, kita sebenarnya sedar yang kita mempunyai dan mampu membuat pilihan yang lebih baik dan telus bagi pelaksanaan projek-projek ini.

26. Saya dimaklumkan pelaksanaan proses perolehan atau tender secara elektronik yang turut dikenali sebagai *e-tendering* kini sedia untuk

dilancarkan. Pelaksanaan *National e-Tendering Initiatives* (NeTI) dan *Procurement Information System* (PIMS) akan melengkapi pelaksanaan sistem pendaftaran kontraktor secara *single registration* atau 1RoC yang dijangka akan dapat dilaksanakan dalam tahun ini. Dengan pengintegrasian sistem-sistem yang disebutkan tadi, satu sistem data berpusat atau *Centralised Information System* (CIS) akan turut diwujudkan sebagai pengkalan data bagi tujuan pengautomasian sistem perolehan agar hanya kontraktor dan konsultan yang benar-benar layak dan kompeten sahaja dipilih bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan. Pada masa yang sama, pelaksanaan sistem perolehan secara automasi ini juga akan meningkatkan lagi ketelusan dan integriti ke satu tahap yang lebih tinggi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

27. Pelbagai projek berskala besar yang bakal dilaksanakan Kerajaan melibatkan kepakaran dari dalam dan luar negeri. Sehubungan itu, lembaga-lembaga profesional hendaklah memberi tumpuan secara berterusan terhadap penerapan integriti di kalangan ahli-ahli profesional dan memastikan perancangan yang lebih agresif dibuat untuk melahirkan lebih ramai ahli-ahli profesional yang bertauliah dalam pengurusan projek pembinaan. Sudah sampai masanya Lembaga Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan menilai tahap profesionalisme supaya wujudnya akauntabiliti setiap profesional dalam menjalankan tugas.

28. Saya ingin menyeru supaya pemantauan akauntabiliti ini dibuat bagi memastikan kualiti industri pembinaan dapat dikekalkan dan ditingkatkan supaya Malaysia dapat menjadi hab industri pembinaan yang terkemuka di rantau ini. Sekiranya projek yang kita hasilkan berkualiti, sudah tentu kontraktor-kontraktor dan para profesional di negara kita akan dikenali dan mudah ditawarkan dengan projek-projek di luar negara dan sebaliknya, jika projek-projek di negara ini sendiri bermasalah, tentunya peluang kontraktor dan pakar-pakar lain tertutup sama sekali untuk menembusi projek di luar negara.

29. Dalam dekad ini, kontraktor tempatan mempunyai peluang yang sangat cerah dalam sektor pembinaan terutamanya di peringkat global. Malah dianggarkan, dalam tempoh 10 tahun akan datang, nilai kerja pembinaan di peringkat global akan mencecah sehingga RM40 trillion. Baru-baru ini, memorandum persefahaman (MoU) pembangunan dan pengurusan lebuh raya telah termetrai antara Malaysia dan India yang melibatkan peluang kontraktor Malaysia dalam pembangunan dan pembinaan lebuh raya sepanjang 1,000km bernilai RM17.5 bilion. Peluang ini haruslah dijadikan platform kepada kontraktor tempatan untuk menambah pengalaman dan meningkatkan nama Malaysia dengan melaksanakan pembinaan yang berkualiti seterusnya menempah nama sebagai peneraju industri pembinaan di peringkat global. Ini menunjukkan pengiktirafan daripada negara-negara luar terhadap kemampuan kontraktor binaan Malaysia yang seharusnya dijadikan sebagai landasan dalam meningkatkan sumbangan industri binaan kepada pembangunan ekonomi negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

30. Bagi melengkap dan mengukuhkan lagi peranan kita dalam proses pembangunan negara, marilah kita bersama-sama bermuhasabah diri bagi melihat semula dan menilai apa yang telah kita lakukan selama ini dan seterusnya merangka strategi yang lebih efektif bagi menggalas cabaran yang mendatang di masa hadapan. Oleh itu:

- Kementerian Kerja Raya perlu memastikan dasar, akta serta peraturan yang berkaitan industri pembinaan negara sentiasa relevan dan dapat menyumbang kepada kejayaan dasar di peringkat nasional;
- CIDB pula perlu terus memastikan supaya persekitaran industri pembinaan di dalam negara mampu menghasilkan produk binaan yang berkualiti, memastikan profesional dan tenaga kerja pembinaan mampu menghasilkan output yang dapat meningkatkan imej industri pembinaan seterusnya dapat memberi sumbangan yang signifikan dalam pertumbuhan ekonomi negara;
- JKR perlu fokus bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dalam memenuhi kehendak pelanggan. Perlu diingat, senario pada hari ini membuktikan JKR bukan lagi satu-satunya organisasi yang mampu memberikan khidmat dan

nasihat teknikal kepada Kerajaan. Sebagai sebuah organisasi, JKR perlu terus berevolusi bagi memastikan peranannya terus relevan bagi mengekalkan kedudukan JKR sebagai agensi teknikal yang terulung di negara ini;

- LLM perlu melaksanakan transformasi dengan segera kerana fungsi LLM berdasarkan akta sedia ada tidak lagi sesuai dengan perubahan persekitaran yang berlaku pada hari ini. Perkara ini perlulah ditangani dengan segera. LLM harus mempunyai kekuatan yang tersendiri bagi mengukuhkan peranannya sebagai *specialist* dalam merancang, membina dan menyenggara projek penswastaan lebuh raya di Malaysia.
31. *Leaders and top management are stewards, given responsibility to ensure effective policy and proper implementation. Programme and policy transcends unit or divisional function. Output and outcomes are the result of integrated contribution and inputs. This basic principle is what distinguishes effectiveness of top management and leaders which are; their ability to mobilize, to integrate, to connect the dots and to see the big picture.*
32. Sebagai pemimpin dalam sesebuah organisasi, kita sepatutnya mampu menangani sebarang isu dalaman dengan bijak dan matang tanpa melibatkan campur tangan pihak luar. Ini adalah penting bagi menjaga nama baik dan imej organisasi dan Kerajaan amnya. Setiap tindakan yang diambil mestilah sentiasa rasional dan bukannya dipengaruhi emosi.

Kadangkala, keadaan yang berlaku ini akan digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk meraih keuntungan bagi agenda peribadi mereka. Jadi, harus diterapkan dalam setiap sanubari masing-masing bahawa:

- Kepentingan unit mengatasi kepentingan individu;
- Kepentingan jabatan hendaklah mengatasi kepentingan unit; dan
- Kepentingan negara hendaklah mengatasi kepentingan Jabatan.

33. Akhir kata, suka diingatkan sekali lagi bahawa tugas-tugas yang dilakukan oleh tuan-tuan dan puan-puan tidak kira kecil atau besar, sebenarnya adalah demi kepentingan rakyat. Usaha tuan-tuan dan puan-puan ini tidak semestinya memberikan impak pada hari ini tetapi akan memberi kesan yang besar pada masa akan datang. Justeru, sempena tahun baru ini, lakukanlah setiap tugas anda dengan penuh keikhlasan, integriti dan rasa tanggungjawab. Selamat mengharungi dekad baru dan Selamat Tahun Baru 2011.

Sekian, terima kasih.